

# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569



## PENGUKUHAN KETANGKASAN PENGUATKUASAAN KPDN MELALUI STRATEGI *OMNIPRESENCE* BERMULA JANUARI 2025

**ALOR GAJAH, 25 NOVEMBER 2024** – Hari ini saya telah merasmikan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Sains Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Tahun 2024 bertempat di Kem Permata Resort, Alor Gajah, Melaka.

Seramai 284 orang pegawai, iaitu 244 pegawai lantikan baharu serta 40 pegawai Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) dan Pegawai Sedang Berkhidmat (PSB) telah berjaya menamatkan latihan pada kursus kali ini. Kadet-kadet ini terdiri daripada Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 dan Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19. Dengan pengisian perjawatan skim penguat kuasa KPDN melalui kursus ini, jumlah keseluruhan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN adalah seramai 2,464 orang.

Pengisian perjawatan ini adalah sejajar dengan agenda KPDN untuk meningkatkan ketangkasan penguatkuasaan. Bermula Januari 2025, agenda ini akan diperkukuhkan melalui strategi meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) jentera penguat kuasa KPDN di lapangan. Strategi ini amat penting untuk memastikan aspek kawalan dan pemantauan diperkasakan termasuk melaksanakan tindakan susulan terhadap setiap aduan dan laporan yang diterima oleh pelbagai pihak.

Strategi *omnipresence* ini juga dirangka selaras dengan pelaksanaan KITA GEMPUR yang menggembeng peranan empat komponen pemegang taruh, iaitu (K) agensi Kerajaan, (I) pemain Industri, (T) pematuhan Tatakelola dan (A) partisipasi Awam dalam Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (GEMPUR). Melalui gerakan ini, dijangkakan jumlah aduan dan laporan akan semakin meningkat yang menuntut memperkasa keberadaan dan tindakan susulan para penguat kuasa KPDN di lapangan.

Pelaksanaan strategi *omnipresence* ini akan memerlukan pertambahan jumlah pegawai dan anggota penguat kuasa di lapangan, selain implikasi kewangan lain yang meliputi aspek keperluan logistik, elaun tuntutan lebih masa dan elaun tuntutan perjalanan.

Oleh itu, KPDN telah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk menggunakan sebahagian besar peruntukan tambahan yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2025 untuk memenuhi keperluan tersebut. Sebagaimana yang telah dibentangkan, Belanjawan 2025 memperuntukkan sejumlah RM60 juta kepada Penguat Kuasa KPDN dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk memperkasa aspek penguatkuasaan.

Pertambahan pegawai penguat kuasa KPDN ini akan dapat meningkatkan *omnipresence* atau kehadiran anggota penguat kuasa di pelbagai lokasi secara berterusan bagi memastikan kawalan dan pemantauan yang efektif.

Setakat ini, Bahagian Penguat Kuasa KPDN mempunyai 75 pejabat di seluruh negara termasuk di ibu pejabat negeri, cawangan dan sub cawangan. Bilangan jentera penguat kuasa yang terhad menyebabkan penempatan pegawai dan anggota tidak boleh dibuat mengikut jumlah pentadbiran daerah yang wujud di seluruh negara.

Sebilangan pentadbiran cawangan KPDN terpaksa berhadapan dengan cabaran liputan kawasan kawal selia yang terlalu luas dan isu logistik, selain sebahagian pula berhadapan dengan jumlah kepadatan kependudukan dan jumlah premis perniagaan yang amat tinggi.

Sebagai contoh, KPDN Cawangan Kapit mempunyai keluasan seliaan terbesar, iaitu 38,934 km persegi yang meliputi dua kawasan Parlimen dan enam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Ini diikuti KPDN Cawangan Sandakan yang menyelia kawasan dengan keluasan 28,205 km persegi dengan lima kawasan Parlimen dan 13 kawasan DUN. Manakala, KPDN Cawangan Johor Bharu mempunyai kepadatan penduduk dan premis perniagaan yang tinggi dengan meliputi enam kawasan Parlimen dan 13 kawasan DUN.

Sungguhpun berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran, KPDN akan terus komited memperkukuhkan ketangkasan penguatkuasaan sekali gus memastikan wujudnya perdagangan dalam negeri yang sihat dan progresif serta melindungi kepentingan pengguna. Pelbagai bentuk operasi penguatkuasaan akan terus ditingkatkan melalui strategi *omnipresence*.

Melalui OPS TIRIS 3.0 bermula 1 Januari 2024 hingga 22 November 2024, sebanyak 39,069 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 2,521 kes direkodkan dengan 604 individu telah berjaya ditangkap melibatkan warga tempatan dan warga asing dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah hampir RM87.03 juta (RM87,034,264.29).

Manakala untuk OPS KESAN pula, bermula 1 Januari 2024 sehingga 23 September 2024, KPDN telah melaksanakan 50,725 pemeriksaan premis dan telah menerima 106 aduan awam di seluruh negara.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**